

Dr
Mohd Yahya Mohd Ariffin



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

Memanfaatkan masa sebelum bekerja tetap

Peperiksaan akhirsemaseter dua lepas ialah yang terakhir untuk pelajar tahun akhir institusi pengajian tinggi (IPT). Anda semua meninggalkan kampus dengan harapan membawa kejayaan sebelum kembali menerima ijazah dalam majlis konvokesyen nanti.

Langkah seterusnya ialah mencari pekerjaan. Lazimnya majoriti graduan memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan. Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pengajian Tinggi 2011 menunjukkan 75 peratus graduan IPT berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh itu.

Waktu menunggu keputusan temu duga mungkin mengambil beberapa minggu atau bulan lamanya. Lantaran itu, buatlah sesuatu bagi mengisi masa yang ada dan dalam masa sama terus berusaha memohon pekerjaan lain jika masih gagal.

Aktiviti yang dilakukan itu sewajarnya boleh menjana kemahiran atau pendapatan bagi membantu diri. Oleh itu, anda seharusnya mengambil kesempatan untuk menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui pekerjaan sambilan.

Pengalaman kerja ini sangat berharga sewaktu memohon pekerjaan tetap. Mungkin juga kerja sambilan itu bertukar menjadi tetap kerana diberi peluang serta minat yang mendalam.

Pengalaman yang ditimba



Gambar hiasan

daripada pekerjaan atau aktiviti juga dapat mendedahkan diri anda kepada selok-belok pengurusan dan pentadbiran pekerjaan serta meningkatkan kematangan diri.

Berikut ialah cadangan yang mungkin menjana pendapatan atau pengalaman anda.

Pembantu penyelidik

Penyelidikan adalah antara aktiviti penting di institusi pengajian tinggi yang dilakukan oleh ahli akademik. Lazimnya aktiviti ini memerlukan pem-

bantu penyelidik yang perlu bertugas di makmal atau lapangan, mencari bahan di perpustakaan, menulis dan menyediakan laporan.

Anda akan dibayar elaun bulanan yang berpatutan sehingga tamat sesuatu penyelidikan itu. Selain itu, jika berminat anda boleh memohon melanjutkan pengajian di peringkat sarjana di bawah seliaan pensyarah berkenaan.

Guru sandaran

Guru sandaran bukan saja diperlukan di sekolah kerajaan, tetapi juga sekolah swasta. Pusat tuisyen juga mungkin memerlukan tenaga pengajar seperti anda.

Menulis di akhbar dan majalah

Jika anda seorang yang berbakat dalam penulisan, maka gunakanlah kelebihan itu untuk menulis seperti rencana atau cerpen dan

hantar ke akhbar atau majalah untuk diterbitkan. Tulislah sebarang idea bernas khususnya isu semasa yang boleh menarik minat editor menerbitkannya untuk tatanan pembaca.

Penulisan anda itu mungkin boleh memberi manfaat kepada pembaca mahupun pembuat dasar. Lazimnya, karya yang diterbitkan akan dibayar suguhati oleh syarikat media.

Berniaga melalui Internet

Berniaga melalui Internet semakin berkembang memandangkan ramai yang berminat membeli-belah melalui kaedah mudah ini. Fikirkan apa produk yang diminati dan boleh menjana pendapatan.

Jika belum menguasai ilmu perniagaan melalui Internet, anda boleh mengambil kursus yang berkaitan atau membaca buku-buku di pasaran. Lihatlah bagaimana kejayaan anak muda bernama Irfan Khairi yang telah bergelar jutawan hanya kerana kebijaksanaan mengambil peluang berniaga melalui Internet.

Belajar bahasa asing

Ketika menunggu tawaran pekerjaan, antara aktiviti yang boleh memberi manfaat kepada anda ialah mengikuti kursus bahasa asing. Jika anda berasa ingin memperbaiki penguasaan bahasa seperti Inggeris, Arab, Mandarin atau Jepun

maka inilah masa yang sesuai untuk melakukannya. Penambahan kemahiran ini bekalan yang sangat berguna dan mampu meningkatkan kebolehpasaran anda.

Mengikuti kursus keusahawanan

Banyak agensi kerajaan menyediakan peluang kepada siswazah menyertai dunia usahawan. Mereka menyediakan pelbagai bantuan termasuk kursus, latihan dan bantuan modal kepada peserta. Jika berminat dalam dunia keusahawanan maka ambillah peluang ini. Sekurang-kurangnya anda boleh mempelajari dan mengumpul pengetahuan mengenai ilmu keusahawanan yang mengandungi ciri-ciri jati diri, berkeyakinan, berdisiplin, kreatif dan inovatif. Ilmu itu bukan saja untuk menjadi usahawan, malah boleh diaplikasikan dalam pekerjaan yang dilakukan kelak.

Menyertai aktiviti NGO

Banyak badan bukan kerajaan (NGO) di negara ini bergiat aktif melaksanakan aktiviti yang memberi manfaat kepada masyarakat. Pembabit dalam aktiviti sukarelawan boleh mewujudkan jaringan dengan pelbagai pihak, malah anda boleh meneruskannya walaupun telah mendapat pekerjaan tetap. Biarpun kelihatan kecil, sumbangan anda amat bermakna kepada kesejahteraan masyarakat.

“
PENGALAMAN KERJA ITU SESUATU YANG BEGITU BERHARGA DAN HANYA AKAN DATANG SEKIRANYA ANDA MELALUINYA”